

17/06/1997

Aman jika Israel ubah sikap

A Nazri Abdullah in Beirut

BEIRUT, Isnin - Keamanan di Asia Barat akan wujud jika Israel mengubah sikap dan pemikirannya yang mengutuk umat Islam dan bangsa Arab sebagai musuh mereka yang abadi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pemikiran seperti itu adalah penghalang kepada sebarang kemajuan untuk mencapai keamanan berkekalan di Asia Barat.

Sehubungan itu, beliau mendesak kerajaan Israel supaya mengubah sikap dan pemikiran mereka kerana bangsa Arab, Palestin dan umat Islam tidak pernah menganggap Yahudi sebagai musuh abadi untuk selama-lamanya.

Berucap di jamuan negara yang diberikan oleh Perdana Menteri Lebanon, Rafic Hariri di sini malam ini, Dr Mahathir berharap kerajaan Israel pimpinan Benjamin Netanyahu menghormati komitmen dan persetujuan yang dibuat oleh kerajaan Israel sebelum beliau mengenai keamanan di Asia Barat.

Menurutnya, jika kerajaan Israel hari ini tidak menghormati persetujuan kerajaan sebelumnya, sukarlah bagi mana-mana negara untuk melaksanakan hubungan antarabangsa.

"Malaysia mengutuk sebarang pencerobohan oleh mana-mana pihak sama ada rakan atau musuh. Israel mesti sedar ancaman yang mereka jangka adalah kesan langsung daripada tindakan mereka sendiri merampas tanah dan harta orang lain.

"Mana-mana negara yang merampas tanah dan meroboh tempat tinggal orang lain secara paksa untuk dibangunkan penempatan mereka, tidak boleh dianggap sebagai ikhlas untuk mencari keamanan," ujarnya.

Israel yang masih menduduki Selatan Lubnan turut merampas tanah penduduk Lubnan seperti yang dilakukan ke atas penduduk Palestin.

Kerajaan Netanyahu cuba menghalalkan tindakan Israel dengan menuduh jiran mereka mengancam untuk bertindak balas.

"Apakah bentuk dunia yang akan kita bentuk jika pencerobohan dan penafian pandangan dunia dianggap sebagai benar. Apakah kita harus membenarkan semua pencerobohan walaupun mereka yang diceroboh bukan saja tidak boleh bertindak balas, malah tidak mampu mengancam untuk bertindakbalas?" tanya Dr Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, masalah keselamatan yang dicanang oleh Israel adalah hasil daripada perbuatan mereka sendiri dan Israel mestilah belajar menolak kekejaman sebagai jalan penyelesaian kepada ancaman keselamatan.

"Kekejaman bukanlah penyelesaian, tetapi jiran yang baik dan keikhlasan adalah cara yang terbaik," katanya.

Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia bahawa faktor utama menjamin keamanan serantau ialah kesediaan semua pihak yang bersengketa untuk menyelesaikan masalah mereka melalui perundingan.

"Keamanan memerlukan pengorbanan. Kaum Yahudi pernah mencari perlindungan di negara-negara Islam apabila Eropah melancarkan pembunuhan beramai-ramai ke atas mereka," katanya.

Malaysia percaya negara di Asia Barat boleh mencontohi rantau Asean yang berjaya mengadakan perkongsian bijak di antara kerajaan, negara dan rantau.

Katanya, di samping membangunkan industri masing-masing, negara-negara Asean juga berjaya mengadakan pembangunan bersama melalui konsep pembangunan segi tiga dengan negara jiran.

"Dasar kebangsaan kami sama ada di bidang ekonomi atau perdagangan

dibentuk bagi memakmurkan negara jiran kerana kami percaya jiran yang kaya akan menjadi rakan dagangan yang baik, sebaliknya jiran yang miskin boleh menimbulkan masalah," katanya.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Lubnan, Dr Mahathir berharap semangat keusahawan rakyat negara itu untuk membangunkan semula ekonomi mereka, menyediakan peluang bagi usahawan Malaysia mengambil bahagian.

Dengan memberi contoh kejayaan Persyarikatan Malaysia, Perdana Menteri berkata penyertaan sektor swasta bukan saja dapat mempercepat pembangunan ekonomi dan infrastruktur, malah dapat membantu menyediakan peluang kerja dan modal untuk kepentingan negara.

Lawatan Dr Mahathir ke Lubnan dianggap bersejarah kerana beliau adalah Perdana Menteri Malaysia yang pertama mengadakan lawatan rasmi ke negara itu, walaupun hubungan di peringkat kerajaan dan perdagangan di antara kedua-dua negara sudah wujud sejak awal 1960.

Malaysia adalah negara Asia pertama menubuhkan Konsul Kehormat di Beirut iaitu pada 1965, diikuti penubuhan pejabat perdagangan pada 1968.

(END)